

2,854 kes demam denggi, 11 maut

KOSMO 13/2/12 MS 13

Oleh NOR IDAYU BOSRO
idayu.bosro@kosmo.com.my

GENTING HIGHLANDS

- Sejumlah 2,854 kes demam denggi melibatkan 11 kematian dilaporkan di seluruh negara dari bulan Januari sehingga semalam berbanding 2,781 kes dengan enam kematian pada tempoh masa yang sama tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (**gambar**) berkata, negeri



Selangor telah mencatatkan kes demam denggi paling tinggi dengan 1,271 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 313 kes.

Katanya, jumlah tersebut dilihat amat membimbangkan memandangkan 50 peratus daripada jumlah keseluruhan kes dicatatkan di negeri Selangor sahaja.

"Kes demam denggi yang dicatatkan di seluruh negara menunjukkan

peningkatan mendadak pada minggu lepas dengan 480 kes dilaporkan berbanding 300 kes pada minggu sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Tahun Baru Cina di Pusat Konvensyen Antarabangsa Genting di sini semalam.

Mengulas lanjut, Tiong Lai berkata, sebanyak 13,800 kompaun telah dikeluarkan sepanjang tahun lepas melalui tindakan penguatkuasaan dengan keseluruhan nilai berjumlah RM6 juta.